

Rondaan bersama mampu BH - 2 AUG 2000 atasi isu lanun

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia mahu negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Brunei turut memikul tanggungjawab bersama mengatasi masalah lanun yang dikatakan semakin berleluasa di Selat Melaka.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata kerana persempadanan Selat Melaka terlalu luas, tugas rondaan untuk mengawal kegiatan lanun yang diserahkan kepada Malaysia, sukar dilaksanakan secara berkesan.

Oleh itu, katanya, Malaysia berharap negara jiran seperti Singapura, Brunei, dan Indonesia dapat menggabungkan tenaga yang lebih baik untuk membuat rondaan dan menjaga perairan di Selat Melaka daripada kegiatan lanun.

"Seperti latihan dan rondaan bersama yang pernah dilakukan di persempadanan berhampiran dengan bandar seperti Tawau, Kudat dan Sandakan di Sabah...ini sedikit sebanyak membuahkan hasil.

"Walaupun keadaan ini tertangguh disebabkan kegawatan ekonomi, saya berharap dengan pemulihan ekonomi, usaha itu dapat dipertingkatkan," katanya kepada pemberita selepas mengedarkan poster dan pelekot kereta kepada pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban sempena Kempen Hari Pahlawan di Plaza Tol Sungai Besi, hari ini.

Mohd Shafie turut menyampaikan 5,000 keping poster dan pelekot kereta kepada Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) untuk diedarkan kepada orang ramai.

Biro Maritim Antarabangsa (IMB) dalam laporan tahunannya hari ini mendedahkan mengenai kes serangan lanun yang meningkat dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini menyebabkan semua kapal yang menggunakan perairan di Indonesia, Selat Melaka dan Teluk Aden diberi amaran supaya lebih berwaspada.

Kebanyakan serangan dialami kapal pengangkut kargo dan tangki besar yang berlabuh atau berada di dermaga, tetapi satu dalam setiap lima kapal diserang ketika sedang belayar.

Menurut laporan biro itu lagi, Selat Melaka yang memisahkan Malaysia dan Pulau Sumatera di Indonesia turut menjadi sasaran lanun apabila 14 kapal menjadi sasaran serangan lanun dalam tempoh dua bulan lalu.

Sementara itu, ditanya mengenai perkembangan siasatan terhadap kes kecurian senjata api dan peluru di Grik, Perak, Mohd Shafie berkata, pihaknya sudah menyiapkan semua maklumat yang diperlukan sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, maklumat daripada pihak tentera itu akan digabungkan dengan maklumat yang dikumpul oleh polis sebelum dijadikan sebahagian daripada kertas putih yang akan dibentangkan di Parlimen.

"Bagaimanapun, saya kurang pasti bila ia dapat disiapkan. Kalau boleh disiapkan dalam tempoh sebulan, lebih elok.

"Jangka masa sebenar hanya dapat ditentukan oleh Perdana Menteri," katanya.